

06/02/2003

Hukuman berat musnah alam disokong

Salina Abdullah; Saufi Hamzah; Abdul Razak Raaff; Maizura Ismail; Ahmad
KUALA LUMPUR: Banyak pihak menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri
Dr Mahathir Mohamad supaya hukuman lebih berat, termasuk penjara dikenakan
kepada mereka yang melakukan jenayah alam sekitar.

Sambil menyifatkan cadangan itu tepat pada masa, mereka berkata, langkah
berkenaan membuktikan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan memulihara
alam sekitar dan kesejahteraan rakyat untuk jangka masa panjang.

Presiden Sahabat Alam Malaysia, S M Idris, berkata Peguam Negara dan
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar perlu meminda peraturan
berkaitan alam sekitar bagi memastikan pengarah dan pegawai
bertanggungjawab atas kesalahan syarikat boleh dihukum penjara.

"Ketika ini tiada peruntukan dalam Akta Bandaraya dan Perancangan Negara
yang membolehkan pengarah dan pegawai bertanggungjawab sepenuhnya atas
kesalahan syarikat serta dihukum penjara," katanya.

Pengarah Eksekutif Tabung Alam Malaysia (WWF), Datuk Dr Mikaaail Kavanagh
Abdullah, berkata bentuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah alam
sekitar perlu bersesuaian dengan tahap kesalahan yang dilakukan.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, pihak yang sewenang-wenangnya merata
bukit dan menjejaskan alam sekitar di tanah tinggi dikenakan hukuman lebih
berat, termasuk penjara.

Beliau mengulas tindakan sekumpulan syarikat yang menggunakan jentera
berat untuk merata dan membangunkan semula kawasan yang dulunya milik Blue
Valley Tea Plantation di Cameron Highlands.

Dr Kavanagh juga memuji Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Wilayah Cameron
Highlands (Reach) kerana memainkan peranan penting sebagai mata dan
telinga pihak berkuasa dalam menangani masalah itu.

Sementara itu, Pengarah Pengurusan dan Pemuliharaan Alam Sekitar, Dr
Zulkifli Idris, berkata Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelarasan
Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau (JKKTP) sudah mengedarkan garis
panduan pembangunan tanah tinggi kepada semua kerajaan negeri dan pihak
berkuasa tempatan (PBT).

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaannya terhad kepada peringkat
pentadbiran serta tidak disokong undang-undang seperti yang dibahagikan
dalam perlembagaan hal berkaitan tanah, terletak di bawah bidang kuasa
kerajaan negeri dan PBT.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata
kerajaan negeri sentiasa memantau dan memastikan tiada pemaaju melaksanakan
pembangunan hartanah di tanah tinggi.

Di PULAU PINANG, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pembangunan Usahawan
dan Koperasi negeri, Datuk Abdul Rashid Abdullah, berkata tanpa tindakan
tegas, pihak tidak bertanggungjawab lebih mementingkan keuntungan.